



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 22 Disember 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

KPDN laksana Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Krismas 2025

Oleh JOHN TAMBANAN

PAPAR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan melaksanakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Krismas 2025 berkuat kuasa dari 23 hingga 27 Disember 2025.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata pelaksanaan skim itu bertujuan mengekang kenaikan harga serta meringankan beban kos pengguna menjelang musim perayaan.

Beliau berkata skim selama lima hari itu meliputi dua hari sebelum Hari Krismas, hari perayaan itu sendiri dan dua hari selepasnya, membabitkan 14 barangan keperluan yang lazimnya mencatat permintaan tinggi semasa musim perayaan.

"Rasional di sebalik pelaksanaan skim kawalan harga musim perayaan adalah jelas. Apabila tiba musim perayaan, permintaan terhadap keperluan isi rumah meningkat, terutamanya bagi perhimpunan keluarga dan sambutan perayaan. Tanpa campur tangan, terdapat risiko pergerakan harga di pasaran," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyempurnakan majlis pelancaran SHMMP Krismas 2025 di sini, Sabtu.

Menurut Armizan, tempoh pelaksanaan serta sen-



SIDANG MEDIA Armizan Mohd Ali (kanan) ketika mengadakan sidang media berhubung pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Krismas 2025 oleh KPDN.

arai barangan di bawah skim tersebut ditetapkan selepas mengambil kira keadaan pasaran semasa, termasuk faktor permintaan dan penawaran, kos, cuaca, kadar upah serta maklum balas rakan strategik seperti Kementerian Pertanian dan Keselamatan Makanan (KPKM), agensi kerajaan berkaitan dan pemain industri.

"Kami mahu pengguna menikmati harga yang berpatutan, pada masa sama memastikan peniaga tidak dibebani dengan tempoh pelaksanaan yang terlalu panjang," katanya sambil menambah bahawa KPDN bekerjasama rapat dengan KPKM bagi memastikan bekalan barangan mencukupi dan terkawal sepanjang pelaksanaan skim itu.

SHMMP Krismas 2025 akan dikuatkuasakan di bawah

Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Maklumat harga maksimum di peringkat borong dan runcit boleh disemak melalui laman web rasmi KPDN.

Armizan berkata penguatkuasa KPDN di seluruh negara akan ditempatkan di lokasi strategik seperti pasar awam, pasar tani dan pusat beli-belah bagi memantau pematuhan peniaga.

"Pada masa sama, penguatkuasaan akan dilaksanakan secara berhemah melalui pendekatan pendidikan, nasihat dan amaran bagi memastikan peniaga mematuhi undang-undang serta mengamalkan etika perniagaan yang baik," katanya.

Beliau menegaskan tindakan tegas akan diambil terhadap adap peniaga yang melanggar

peraturan ditetapkan.

Menurutnya, individu yang didapati menjual barangan kawalan melebihi harga maksimum boleh dikenakan denda sehingga RM100,000 atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya, manakala syarikat boleh didenda sehingga RM500,000.

"Kegagalan mempamerkan tanda harga berwarna merah jambu bagi barangan terkawal pula boleh dikenakan denda sehingga RM10,000 bagi individu dan RM20,000 bagi syarikat," katanya.

Armizan turut menyeru orang ramai membantu usaha penguatkuasaan dengan menyalurkan aduan melalui WhatsApp KPDN di talian 019-848 8000, Pusat Panggilan KPDN (1-800-886-800), portal e-aduan, e-mel atau aplikasi mudah alih Ez ADU KPDN.

PREPARING FOR NEW TERM

Rahmah back-to-school sale lauded

KULAI: The Rahmah Madani Back-to-School Sale has helped many Malaysians prepare for the new school term, as parents can buy supplies and other related products at affordable prices.

Nur Dahlia Safwan, 30, who visited the sale at a shopping mall here yesterday looking for a schoolbag for her niece, shared how much she would have loved to own one of the schoolbags on display during her schooling days.

"When I was young, it was very hard to buy a schoolbag of good quality as it was expensive and beyond the means of my family.

"I came here because I saw a social media post about the sale.

"When I remembered my niece, I immediately bought some school supplies that I wish I had as a child but couldn't afford," she said, adding that the programme benefited the public by offering school supplies at affordable prices.

Royal Malaysian Navy retiree Zainal Abd Rahman, 76, said initiatives such as the Rahmah Madani sale and *Sumbangan Asas Rahmah* (MySara) aid reflected the government's concern to reduce the cost of living.

The discounts of up to 30 per cent, he said, not only allowed for great savings, but also helped retirees like him to manage daily expenses.

In response to the government's Festive Season Maximum Price Scheme, private sector employee Nathan Silvaraj, 38, said the move showed the public that the supply of necessities was under control.

"I am not worried about buying fresh produce at the last minute because I know the government will ensure adequate supply for us at affordable prices.

"We rarely hear about a shortage of necessities now, for me that's a real positive development," he said.

Johor Domestic Trade and Cost of Living Ministry director Lilis Saslinda Pornomo sai on Saturday that 1,783 Rahmah Madani sales had been held in the state from January to December.

They recorded total sales of RM65.7 million and had directly benefited over 1.96 million households.

I am not worried about buying fresh produce at the last minute because I know the government will ensure adequate supply for us at affordable prices.

NATHAN SILVARAJ
Private sector worker

閩聖誕節頂價計劃 12種商品列入管制

納閩21日訊 | 國內貿易及生活成本部 (KPDN) 于今日宣布2025年12月23日至27日期間在納閩實施2025年聖誕節統制品 (SHMMP)。

該計劃實施期為5天，即佳節前2天、佳節期間1天和佳節後2天。這次納閩共有12種特定商品被列入2025年聖誕節最高限价計劃的管制範圍。該局希望商家的管制商品的价格不得超過政府規定的最高限价。

此外，在受價格管制的商品上貼上特殊的粉紅色價格標籤，以區別於其他商品。

同時確保市場商品供應充足以及使用經核實的稱重設備。

任何違反此規定的商家都將根據《2011年價格管制和反暴利法令》受到處罰，並可能面臨以下處罰：

對於以高於規定最高價格出售受價格管制商品的個人，法院可處以最高10萬令吉的罰款或不超过三年的監禁，或兩者并罰，或處以最高5萬令吉的罰款。同時，對於違反此規定的公司，法院可處以最高50萬令吉的罰款，或處以最高25萬令吉的罰款。並且對於未依規定為受價格管制的商品張貼粉紅色價格標籤的個人，法院可處以最高10,000令吉的罰款或最高5,000令吉的罰款。同時，對於公司，法院可處以最高20,000令吉的罰款或最高10,000令吉的罰款。

任何資訊或投訴均可透過以下KPDN官方管道提交：

電子投訴入口網站：<https://eaduan.kpdn.gov.my>；
電話：087-423152（納閩KPDN辦公室）；納閩KPDN營運室：087-423209；傳真：087-452150；
WhatsApp：<http://www.wasap.my/+60198488000/Aduan+Pengguna>。

KPDN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN
SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN
KRISMAS 2025
Tarikh Kuat Kuasa : 23 Dis 2025 hingga 27 Dis 2025

Bil	Barangan	Unit	Harga (RM)		
			Ladang	Borong	Runcit
1	Kepak Ayam	1 kg	-	RM14.50	RM15.50
2	Daging Kambing Biri-Biri Bertulang Import	1 kg	-	RM21.00	RM23.00
3	Ubi Kentang Import (China)	1 kg	-	RM2.50	RM3.50
4	Lobak Merah	1 kg	-	RM4.00	RM5.00
5	Tomato	1 kg	-	RM6.00	RM7.00
6	Lada Benggala Hijau	1 kg	-	RM14.00	RM16.00
7	Gili Merah	1 kg	-	RM15.00	RM17.00
8	Bawang Merah Besar	1 kg	-	RM3.50	RM4.50
9	Bawang Kuning Besar	1 kg	-	RM3.50	RM4.50
10	Babi Hidup	1 kg	RM12.50	-	-
11	Daging Babi (Perut)	1 kg	-	RM32.00	RM34.00
12	Daging Babi (Daging Dan Lemak)	1 kg	-	RM25.00	RM28.00

納閩12種2025年聖誕節統制品名單。



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **AGENSI**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

AS 2016: SSM sedia pertimbang pengurangan kadar kompaun

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bersedia mempertimbangkan pengurangan kadar kompaun sekiranya syarikat menunjukkan komitmen jelas ke arah pematuhan di bawah Akta Syarikat 2016 (AS 2016).

SSM berkata, bagi syarikat yang tidak lagi aktif, pengarah digalakkan mengambil langkah pemotongan nama syarikat daripada daftar dan pertimbangan pengurangan kompaun tertunggak boleh diberikan, tertakluk kepada pematuhan syarat ditetapkan.

"SSM akan terus konsisten dalam melaksanakan

tanggungjawabnya bagi memastikan pematuhan terhadap AS 2016 demi melindungi integriti persekitaran korporat Malaysia serta memupuk ekosistem perniagaan yang telus, boleh dipercayai dan mesra pelanggan.

"Usaha meningkatkan pematuhan akan diteruskan melalui pendekatan menyeluruh termasuk peringatan, tindakan pentadbiran, penguatkuasaan undang-undang serta pelaksanaan program latihan kepada pegawai syarikat dan intermediari korporat," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Sebelum ini, Dewan Per-

niagaan Melayu Malaysia (DPM) menggesa SSM mempertimbangkan semula kompaun tinggi dikenakan terhadap syarikat yang melanggar peruntukan mengikut AS 2016.

Presiden DPM, Norsyahrin Hamidon berkata, langkah terbaru SSM itu tidak selari dengan keputusan mengurangkan kos pematuhan audit apabila syarikat perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dengan hasil kurang RM1 juta dikecualikan sepenuhnya daripada audit mulai 2025.

Norsyahrin berkata, pihaknya menerima pelbagai rungutan dan aduan da-

ripada ahli serta pemilik syarikat berhubung penguatkuasaan kompaun hingga mencecah RM40,000 bagi pelanggaran Seksyen 245, 248, 258 dan 340 AS 2016.

Mengulas lanjut, SSM berkata, pematuhan terhadap AS 2016 adalah satu kewajipan undang-undang, selaras dengan landskap tadbir urus korporat yang semakin menekankan ketelusan dan akauntabiliti.

Katanya, AS 2016 menggariskan keperluan tadbir urus mampan bagi memastikan syarikat beroperasi secara teratur, termasuk kewajipan menyediakan penyata kewangan

(PK) yang baik dan tepat.

"Bagi memastikan pengarah syarikat memahami tanggungjawab mereka berkaitan penyediaan PK, SSM secara konsisten mengeluarkan notis peringatan 'compliance clock' (garis masa pematuhan) sepanjang tahun kepada setiap syarikat.

"Notis peringatan tahunan ini membabitkan lebih 500,000 syarikat dan bertujuan mengingatkan syarikat serta pengarah berhubung kepentingan menyediakan dan menyerahkan penyata tahunan (PT) dan PK mengikut peruntukan undang-undang," katanya.

Katanya, bagi memastikan pematuhan sepenuhnya terhadap peruntukan undang-undang yang dikawal selia oleh SSM, pelbagai usaha penguatkuasaan dilaksanakan secara berterusan melalui pemeriksaan data dan pemeriksaan fizikal terhadap PK yang diserahkan simpan.

SSM berkata, bagi tempoh 2016 hingga 16 Disember lalu, pihaknya mengeluarkan sebanyak 479 notis kompaun bernilai RM40,000 bagi setiap notis, hasil pemeriksaan ke atas 4,500 syarikat berdasarkan jumlah keseluruhan syarikat yang diperiksa.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 22 DISEMBER 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
22-Dec	Kompaun SSM cecah RM40,000 bebaskan PKS	https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2025/12/kompaun-ssm-cecah-rm40000-bebankan-pks/	UTUSAN
22-Dec	返校昌明销售18日起甲开跑 开学用品折扣达30%	https://melaka.sinchew.com.my/news/20251219/	SIN CHEW
22-Dec	Jualan Rahmah MADANI Johor cecah RM65.7 juta, manfaat hampir 2 juta isi rumah	https://www.tvsarawak.my/2025/12/21/jualan-rahmah-madani-johor-cecah-rm65-7-juta-manfaat-hampir-2-juta-isi-rumah	TVSARAWAK
22-Dec	Lebih 1,700 PJRM Dilaksanakan Di Johor Dengan Nilai Jualan RM65.7 Juta	https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2504782	BERNAMA
22-Dec	PJRM: Over 1,700 Events Held In Johor, Total Sales Hit RM65.7 Million - KPDM	https://www.bernama.com/en/region/news.php?id=2504806	BERNAMA
22-Dec	SSM sedia tawar pengurangan kompaun syarikat patuh Akta Syarikat 2016	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/12/ssm-sedia-tawar-pengurangan-kompaun-syarikat-patuh-	UTUSAN
22-Dec	SSM mulakan program Klinik Pematuhan tahun depan bantu syarikat hadapi kesukaran	https://malaysiagazette.com/2025/12/21/ssm-mulakan-program-klinik-pematuhan-tahun-depan-bantu-	MALAYSIA GAZETTE
22-Dec	Rahmah MADANI Back-to-school Sale A Boon For M'sians As They Prepare For New School Term	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2505066	BERNAMA